

TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

Bahaya Pemikiran *Takfīrī* terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

The Threat of *Takfīrī* Thought on The Sunnites in Malaysia

Muhammad Ayman al-Akiti*
ayman@iium.edu.my

Abstract

The *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* (ASWJ) is a majority Muslim group who was promised by the Prophet Muhammad SAW as a group that is going to be safe from hellfire. In Malaysia, the definition of ASWJ has been embedded in various written laws such as in several acts, enactments, *fatwa*, and others. According to research, only six states interpret ASWJ exclusively as al-Ash'arī and al-Māturīdī, whereas seven states mention the Shāfi'i school without stating any theological adherence, and one state does not specify its theological and jurisprudence schools entirely. The threat to the ASWJ's belief is the *takfīr* attitude (accusing someone as a disbeliever) which is currently deemed a crime in Islamic law in all states in Malaysia.

Keywords

Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah, takfīr, Syed Qutb, al-Harārī, Ahbāsh.

* Ph.D., an Assistant Professor at the Department of Usuluddin and Comparative Religion, International Islamic University Malaysia. He is also a member of Selangor Fatwa Council.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

Mukadimah

Salah satu elemen terpenting bagi umat Islam adalah beragama mengikut kefahaman agama Islam yang sebenar-benarnya. Kefahaman ini dikenali sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah. Justeru, istilah ini menjadi rebutan pecahan-pecahan golongan umat Islam hari ini. Lebih menggugat keharmonian Islam di Malaysia lagi adalah apabila ada golongan yang merebut istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah ini membawa pendekatan yang keras sehingga mudah mengkafir seseorang Muslim yang masih kuat berpegang pada dua kalimah syahadah. Oleh sebab itu, penjelasan adalah perlu untuk memahami siapa Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut konteks Malaysia, dan perundangannya. Begitu juga, perlu dikaji pegangan sebenar Ahli Sunnah Wal Jamaah berkaitan sikap *takfir*.

Bagi membahaskan dua isu yang tidak dapat dipisahkan ini, penulis akan menggunakan manhaj kajian kepustakaan dengan meneliti sumber perpustakaan berkenaan kitab-kitab *turāh* (warisan) Islam serta undang-undang di pelbagai negeri di Malaysia untuk menentukan definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah serta hukum *takfir* dalam Islam. Seterusnya, penulis akan membandingkan dua aliran yang seolah-olah mewakili Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia hari ini tetapi membawa fahaman *takfir*, dan mengulasnya menurut neraca Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sorotan Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

Nabi Muhammad SAW sebagai penutup sekalian nabi dan rasul pernah bersabda “Umatku akan berpecah kepada 73 golongan, semuanya akan dimasukkan ke dalam neraka kecuali satu. Lalu para sahabat bertanya: ‘Siapakah mereka, ya RasūlaLlāh?’ Jawab baginda: ‘Mereka ialah yang mengikuti aku dan para sahabatku’.”¹ Hadis ini juga memiliki beberapa riwayat yang

1. Imam al-Tirmidhī menilai hadis ini sebagai *mufassar gharīb*. Lihat: Abū 'Isā Muhammad bin 'Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Bashshār 'Awwād Ma'rūf (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1996), 4/381.

Bahaya Pemikiran Takfirī terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

berbeza-beza seperti Abū Dāwud (w. 275H): “*al-Jamā‘ah*”² (sekumpulan), yang memberi erti sekumpulan yang ramai dalam kalangan muslimin. Adapun, menurut riwayat Ibn Abī Shaybah (w. 235H), ertinya ialah “*al-sawād al-a‘zam*” (golongan majoriti). Oleh itu, dapat difahami bahawa golongan yang dimaksudkan selamat dalam hadis ialah golongan majoriti umat Islam iaitu mereka mengikuti jejak langkah RasūlLlāh SAW dan para sahabat r.a.³

Ulama juga menjelaskan bahawa golongan majoriti Islam sejak dahulu sehingga hari ini merupakan mereka yang berpegang dengan manhaj akidah al-Ash‘ariyyah iaitu mazhab manhaj akidah yang dipelopori oleh Imam Abū al-Hasan al-Ash‘arī (w. 324H) dan akidah al-Māturīdiyyah iaitu mazhab manhaj akidah yang dipelopori oleh Imam Abū Mansūr al-Māturīdī (w. 333H).⁴ Bahkan menurut penelitian The Royal Islamic Strategic Studies Centre di Jordan juga menyatakan bahawa pada 2021, 90 peratus umat Islam di dunia berpegang dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)⁵ atau disebut juga dengan “Sunni.”⁶ Maka tidak diragukan lagi bahawa ASWJ merupakan manhaj al-Ash‘ariyyah dan al-Māturidiyyah sejak dahulu hingga kini.

Oleh sebab itu, ramai ulama apabila menyebutkan siapa yang dimaksudkan ASWJ, maka mereka merujuk kepada sesiapa

-
2. Abū Dāwud Sulaymān al-Sijistānī al-Azdī, *Sunan Abī Dāwud*, ed. Muhammad Muhyi al-Dīn ‘Abd al-Hamīd (Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, t.t.), 4/198.
 3. Muhammad Hāshim Ash‘arī, *Risālah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, ed. Muhammad ‘Isām Ḥādhīq (Jombang: Maktabah al-Turāth al-Islāmī, 1418 H), 23.
 4. Perkara ini telah dijelaskan secara terperinci oleh Hamad al-Sinān dan Fawzī al-‘Anjārī secara ilmiah dengan merujuk kepada fakta-fakta sejarah. Buku beliau telah diberi pengiktirafan (*tagrīz*) oleh ulama-ulama besar dunia seperti: Prof. Dr. Muhammad Hasan Hītū, Prof. Dr. Muhammad Sa‘īd Ramadān al-Būtī, Prof. Dr. ‘Alī Jum‘ah, Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaylī, Dr. ‘Abd al-Fattāh al-Bizam, al-Habib ‘Alī al-Jifri dan lain-lain. Lihat: Hamad al-Sinān & Fawzī al-‘Anjārī, *Ahl al-Sunnah al-Ashā’rah* (Kuwait: Dār al-Diyā’, 2010), 238.
 5. Selepas daripada ini Ahli Sunnah Wal Jamaah disingkat dengan ‘ASWJ.’
 6. Abdallah Schleifer ed., *The Muslim 500: The World’s 500 Most Influential Muslims 2021*. (Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre, 2021), 56.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

yang berpegang kepada al-Ash'ariyyah dan al-Māturīdiyyah seperti yang ditegaskan oleh al-Qushayrī (w. 465H),⁷ Izz al-Dīn bin 'Abd al-Salām (w. 660H),⁸ Burhān al-Dīn al-Nasafī (w. 687H),⁹ al-İjī (w. 756H),¹⁰ Tāj al-Dīn al-Subkī (w. 771H),¹¹ al-Khayālī (w. 861H),¹² al-Kustallī (w. 901H),¹³ Shams al-Dīn al-Ramlī (w. 1004H),¹⁴ Murtadā al-Zabīdī (w. 1205H),¹⁵ Shaykh al-Azhar, Prof. Dr. Ahmad al-Tayyib¹⁶ dan lain-lain.

Tafsiran di atas juga dipegang oleh ulama Alam Melayu atau Nusantara yang memperjuangkan kemerdekaan bagi negara mereka. Misalnya di Malaya (sebelum kemerdekaan), terdapat ulama besar yang digelar sebagai Shaykh al-Islām di Malaya iaitu Syeikh 'Abdullāh Fahim (w. 1961M) yang juga merupakan salah seorang daripada bapa kemerdekaan Malaya.

-
7. Seperti yang diriwayatkan oleh al-Hāfiẓ Ibn 'Asākir (w. 571H). Lihat: Abū al-Qāsim 'Alī bin al-Hasan bin 'Asākir al-Dimashqī, *Tabyīn Kadhib al-Muftari fī Mā Nasaba ilā al-Imām al-Ash'arī*, ed. Anas Muḥammad 'Adnān al-Sharfawī (Damsyik: Dār al-Taqwā, 2018), 257.
 8. Izz al-Dīn 'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Salām al-Sulamī, *al-Mulhah fī Itiqād Ahl al-Haqqa dimma Rasā'il fī al-Tawhīd*, ed. Iyād Khālid al-Tābbā' (Damsyik: Dār al-Fikr, 1995), 16.
 9. Burhān al-Dīn Muhammād bin Muhammād al-Nasafī, *al-'Aqīdah al-Nasafīyyah dimma al-Majmū'ah al-Saniyyah*, ed. Mar'i Ḥasan al-Rashīd (Istanbul: Dār Nūr al-Šabāh, 2012), 81.
 10. 'Abd al-Rahmān bin Ahmad al-Ijī, *al-'Aqā'id al-'Adudiyyah dimma Sharh al-Kīlānī*, ed. Nizār Hammādī (Beirut: Muassasah al-Mā'ārif, 2011), 17.
 11. Tāj al-Dīn 'Abd al-Wahhāb bin 'Alī al-Subkī, *Tabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, ed. Mahmūd Muhammād al-Tanāhī & 'Abd al-Fattāh Muhammād al-Hulw (Kaherah: Hājr li al-Tibā'ah wā al-Nashr, 1992), 3/366.
 12. Ahmad bin Mūsā al-Khayālī, *Sharh al-'Aqīdah al-Nasafīyyah dimma al-Majmū'ah al-Saniyyah*, ed. Mar'i Ḥasan al-Rashīd (Damsyik: Dār Nūr al-Šabāh, 2012), 81.
 13. Muṣliḥ al-Dīn Muṣṭafā bin Muhammād al-Kustallī, *Sharh al-'Aqīdah al-Nasafīyyah dimma al-Majmū'ah al-Saniyyah*, ed. Mar'i Ḥasan al-Rashīd (Damsyik: Dār Nūr al-Šabāh, 2012), 81.
 14. Shams al-Dīn Muhammād bin Abī al-'Abbās Ahmad al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharh al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 8/305.
 15. Muhammād bin Muhammād bin al-Husaynī al-Zabīdī, *Ittiḥāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharh Iḥyā' ʻUlūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 2/6.
 16. Ahmad al-Tayyib, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (Abu Dhabi: Majlis Ḥukamā' al-Muslimīn, 2018), 16.

Beliau telah berkata:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَمَّا بَعْدُ؛

Tuan-tuan sedia ma'lum beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu Se-Malaya ini dari peringkat ke bawah hingga peringkat ke atas, 'awām-'awām, qādī-qādī, 'ulamā'-ulamā', menteri-menteri hingga raja-raja sekalian mereka itu bermadhab dengan Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī ijmā'an, tiada seorang pun yang bermadhab lain daripada Madhhab Shāfi'ī (*yahrūmu kharqu al-ijmā'*). Ambil mereka itu hukum-hukum Fiqh Shāfi'ī daripada *kitāb Tuhfah* dan *kitāb Nihāyah* hingga *kitāb al-Umm* dan *mukhtaṣarātnya* dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti *Sabil al-Muhtadin*, *Bughyat al-Tullāb* dan *Majlā' al-Badrayn* dan lainnya. *Uṣūl al-Dīn* atas perjalanan Abī al-Hasan al-Ash'arī, diambilkan daripada *shurūh* dan *hawāshī Umm al-Barāhīn* dan *Jawharah* dan sebagainya daripada *kitāb-kitāb* Melayu. 'Ilmu Tasawwuf' atas perjalanan al-Imām al-Ghazālī diambilkan daripada *Minhāj al-Abidin*, *Ihyā' Ulūm al-Dīn* dan terjemahnya kepada Melayu seperti *Siyar al-Sālikīn*. Maka ini *kitāb-kitāb* dan seumpamanya segala hukum dalamnya kesemuanya *mustanbaṭ* daripada Qur'ān dan Hadīth yang dihalusi dan ditapis oleh *'Ulamā' Ajillā*, di'amal dengan dia sudah lebih daripada seribu tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun.¹⁷

Dalam wasiat dan nasihat yang berharga ini, jelas bahawa Syeikh 'Abdullāh Fahim merumuskan bahawa AŚWJ di Alam Melayu memiliki naratif akidah al-Ash'arī, fiqah al-Shāfi'ī dan tasawuf al-Ghazālī.¹⁸

-
17. Ismā'il Awang, "Haji Abdullah Pak Him," *Majallah Pengasuh*, bil. 428 (Kota Baharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1977), 28–29.
 18. Perkara ini telah dibahas dengan panjang oleh penulis. Lihat: Muhammad Aymān al-Akiti, Ahmad Faiz Hafizuddin Rosli & Muhammad Amir Ashraf Rosdin, *Shaykh Abdu'llāh Fahim—'Ulamā'Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Perjuangan Kebangsaan* (Bangi: Akademi Jawi Malaysia, 2020), 92.

Dalam konteks Malaysia hari ini pula tidak ada keseragaman dalam mendefinisikan maksud Ahli Sunnah¹⁹ kerana Perlembagaan Persekutuan hanya menyebutkan “Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.”²⁰ Maka tafsiran Ahli Sunnah perlulah dikembalikan kepada tafsiran negeri masing-masing.²¹ Kelompok negeri pertama mewartakan tafsiran ASWJ di sisi mereka ialah aliran al-Ash’ariyyah dan al-Māturidiyyah. Negeri yang berada dalam kelompok pertama ini ialah: 1. Johor;²² 2. Pahang;²³ 3. Kedah;²⁴ 4. Negeri Sembilan;²⁵ 5. Kelantan;²⁶ dan 6. Sabah.²⁷

Kelompok negeri kedua ialah negeri yang mewartakan bermazhab al-Shāfi’ī dan menerima mazhab-mazhab lain sebagai salah satu ciri-ciri Islam atau ASWJ di negerinya.²⁸ Pewartaan ini sebenarnya juga mengisyaratkan bahawa ASWJ di sisi mereka ialah al-Ash’ariyyah dan al-Māturidiyyah iaitu pegangan “Kaum Tua” yang berpegang teguh dengan pegangan

-
19. Zakaria Stapa, et al., *Laporan Akhir Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia*, Kertas Kerja MKI (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 23.
 20. Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Bahagian 1, Perkara 3 (1).
 21. Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Bahagian 1, Perkara 3 (2).
 22. Warta Kerajaan Negeri Johor, *Prinsip Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)*, 25 Oktober 2016, no. 1; Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor), 2003, Subseksyen 48 (6), no. 1.
 23. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pahang 2013, seksyen 13, no. 18; Kaedah-kaedah Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam (Pahang) 2017, kaedah 2, subkaedah 11 (a).
 24. Warta Kerajaan Negeri Kedah, *Fatwa Mengenai Pembid’ahan Kepada Amalan-Amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah di Negeri Kedah Darul Aman*, 10 November 2016, no. 1 (a), 4 (a) (i), (ii), (iii), (iv), (v).
 25. Warta Kerajaan Negeri Sembilan, *Pemberitahuan Fatwa—Penyelewangan Ajaran Syiah*, 7 November 2013, no. 1.
 26. Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, Pengertian 4, (1): “Ahlu’s Sunnah wal Jamaah” maknanya ialah mazhab Abu Al-Hasan Al-Asha’ari dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikuti jejak langkah keduanya.
 27. Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah 2016, *Pegangan dan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*, no. 1 (a), (b), (c).
 28. Zakaria Stapa, *Laporan Akhir Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah*, 25.

ulama tradisional dan majoriti umat Islam di dunia sebagaimana tafsiran Syeikh ‘Abdullāh Fahim terdahulu. Ia juga sebagai tindak balas terhadap pengaruh dakwah “Kaum Muda” yang enggan bermazhab, sebaliknya kembali kepada al-Quran dan Sunnah.²⁹ Negeri yang berada di dalam golongan kedua ini ialah: 1. Perak;³⁰ 2. Terengganu;³¹ 3. Selangor;³² 4. Melaka;³³ 5. Sarawak;³⁴ 6. Pulau Pinang;³⁵ dan 7. Wilayah Persekutuan.³⁶

Kelompok terakhir iaitu negeri yang menetapkan mereka berpegang dengan ASWJ, tetapi definisi ASWJ tidak ditentukan dengan tokoh atau mazhab tertentu. Negeri dalam kelompok ini hanya sebuah, iaitu Perlis.³⁷ Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis telah mengeluarkan fatwa bahawa tafsiran ASWJ sebagai: “Pengertian Ahli Sunah Wal Jamaah ialah kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para sahabat yang bersepakat di atas kebenaran yang nyata dari Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah SAW.”³⁸ Lebih menarik lagi, negeri Perlis menetapkan bahawa tafsiran ASWJ: “Tanpa membataskannya kepada perspektif

-
29. al-Akiti, *Shaykh Abdu llāh Fahim*, 97, 99, 214, 268.
 30. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak tahun 2004, bahagian III, seksyen 43.
 31. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu tahun 2001, bahagian III, seksyen 54.
 32. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor tahun 2003, bahagian III, seksyen 54.
 33. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka tahun 2002, bahagian III, seksyen 42.
 34. Ordinan Majlis Islam Sarawak tahun 2001, bahagian IV, seksyen 39.
 35. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang tahun 2004, bahagian III, seksyen 54.
 36. Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan, Tauliah Mengajar Agama Islam tahun 2006, subkaedah 26 (a) dan (c); Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 505 Wilayah Persekutuan 1993, bahagian III, seksyen 39 (1), (2), (3).
 37. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948, perkara 5 (1): Agama bagi Negeri ialah agama Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti telah diamalkan di Negeri.
 38. Hazman Hassan & Mohd Nazim Mohd Noor, *Kedudukan Istimewa Manhaj Ahli Sunah Wal Jamaah dalam Perlembagaan Negeri Perlis* (Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2020), 33.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

golongan al-Ash'ariyyah dan al-Māturīdiyyah sahaja.”³⁹ Ditambah lagi nas fatwa mereka menyebutkan:

Majlis (MAIPs) tidak terikat kepada mana-mana satu mazhab tertentu. Di dalam mazhab mana pun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari kitab Allah atau sunah rasul-Nya atau jemaah sahabat Rasulullah SAW maka majlis sedia menerima dan beramal dengannya. Adapun mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali pada pandangan rasmi majlis adalah terhitung di dalam mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong di dalam istilah Ahli Sunnah Waljamaah. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandukan kepada mazhab itu dan mengambil pendapat-pendapat mereka yang ada alasan daripada al-Quran, al-Sunah dan jemaah sahabat Rasulullah SAW.⁴⁰

Walaupun tafsiran bagi nas Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 dan nas fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis ditafsirkan oleh Hazman Hassan & Mohd Nazim Mohd Noor sebagai “menolak taqlid,”⁴¹ ia masih tidak mengeluarkan al-Ash'ariyyah dan al-Māturīdiyyah serta orang bermazhab dengan empat mazhab fiqh sebagai bidaah, sesat atau terkeluar daripada ASWJ. Mereka berkata: “Manhaj Ahli Sunnah Waljamaah dalam Perlembagaan Negeri Perlis tidak mengkhususkan pegangan kepada akidah Asy'irah dan Maturidiyah sahaja. Demikian juga dengan mazhab-mazhab fiqh tertentu seperti Syafie, Hanafi, Maliki, Hanbali dan sebagainya juga tidak disebutkan secara khusus atau tidak diistimewakan salah satu daripada yang lain.”⁴² Penjelasan ini jelas memberi gambaran bahawa Negeri Perlis tidak menyesatkan al-Ash'ariyyah dan al-Māturīdiyyah dan tidak menganggap ia terkeluar daripada ASWJ bahkan juga tidak menyatakan bahawa bermazhab sebagai menyeleweng.

39. Hassan & Noor, Kedudukan, 33.

40. Ibid, 34–35.

41. Ibid, 35–36.

42. Ibid, 36.

Kesimpulan dalam perbahasan ini jelas bahawa Islam di Malaysia berpegang dengan mazhab dan kefahaman ASWJ. Enam negeri secara khusus menetapkan ASWJ dengan pegangan al-Ash'ariyyah dan al-Māturīdiyyah, bermazhab secara fiqhah dan bertasawuf dengan pendekatan al-Junayd atau al-Ghazālī. Tujuh negeri yang lain pula menetapkan ASWJ dengan bermazhab dengan salah satu mazhab fiqhah lebih-lebih lagi al-Shāfi'i yang merupakan mazhab majoriti umat Islam di Alam Melayu. Adapun Perlis yang tidak mengkhususkan mana-mana mazhab atau tokoh sebagai tafsiran ASWJ, akan tetapi dalam keterangan yang lalu, mereka tidak mengeluarkan al-Ash'ariyyah dan al-Māturīdiyyah serta empat mazhab fiqhah daripada ASWJ. Justeru, dapat penulis simpulkan bahawa ASWJ di Malaysia merupakan golongan yang dipegang oleh majoriti umat Islam di dunia ini dan tidak mudah menyesatkan ulama-ulama muktabar daripada kalangan al-Ash'ariyyah dan al-Māturīdiyyah dalam akidah; serta Ḥanafī, Mālikī, Syāfi'i dan Ḥanbalī dalam fiqhah. Mereka merupakan teladan umat.

Ancaman Ideologi *Takfir* terhadap Ahli Sunnah di Malaysia

Apabila membincangkan ancaman terhadap ASWJ di Malaysia, maka tiada yang lebih mengancam ketenteraman umat Islam di Malaysia selain gejala *takfir*, iaitu mengkafirkan sesama umat Islam. Budaya ini merupakan penyakit dalam masyarakat, bahkan ancaman bagi umat Islam. Hal ini disebabkan budaya ini dapat menyebabkan sifat ekstrem dan radikal serta mudah menimbulkan fitnah kepada sesiapa sahaja yang berbeza dengannya. Di Malaysia, jenayah *takfir* (mengkafirkan sesama Muslim) ini sudah terpahat secara jelas dalam enakmen-enakmen jenayah syariah negeri-negeri.⁴³ Sebagai contoh, negeri Selangor

43. Enakmen Jenayah Syariah Selangor tahun 1995, bahagian II, seksyen 6; Enakmen Jenayah Syariah Perak tahun 1992, bahagian V, seksyen 28; Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kedah tahun 1988, bahagian II, seksyen 24; Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis tahun 1991, bahagian

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

telah mewartakan Seksyen 6 tentang “*Takfir*” sebagai berikut:

Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang yang mengatakan atau mengaitkan melalui kata-kata, sama ada secara lisan atau tulisan, atau dengan isyarat, atau dengan gambaran tampak, atau dengan apa-apa perbuatan, kegiatan atau kelakuan, atau dengan mengelolakan, menganjurkan atau mengaturkan apa-apa kegiatan, atau selainnya dengan apa-apa jua cara, bahawa mana-mana orang yang menganuti agama Islam, atau orang-orang yang tergolong dalam mana-mana kumpulan, kelas atau perihalan orang yang menganuti agama Islam (a) adalah orang kafir; (b) telah berhenti menganuti agama Islam; (c) tidak patut diterima, atau tidak dapat diterima sebagai menganuti agama Islam; atau (d) tidak mempercayai, mengikuti, menganuti atau tergolong dalam agama Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.⁴⁴

Ini menunjukkan bahawa masyarakat di negara Malaysia menolak budaya keji ini yang memecah-belahkan umat Islam. Selain daripada enakmen, dalam catatan sejarah juga, ulama di Malaysia telah mengarang beberapa risalah dan mengeluarkan

-
- II, seksyen 23; Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan tahun 1992, seksyen 115; Enakmen Kesalahan Syariah Melaka tahun 1991, bahagian IV, seksyen 68; Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor tahun 1997, bahagian V, seksyen 31; Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan tahun 1985, bahagian II, seksyen 24; Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu tahun 2001, bahagian V, seksyen 38; Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pahang tahun 2013, bahagian V, seksyen 37; Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang tahun 1996, bahagian V, seksyen 31; Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak tahun 2001, bahagian V, 28; Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah tahun 1995, bahagian IV, seksyen 64; Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 559 tahun 1997, bahagian V, seksyen 31.
44. Enakmen Jenayah Syariah Selangor tahun 1995, bahagian II, seksyen 6.

Bahaya Pemikiran Takfirī terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

fatwa tentang bahaya kafir-mengkafir. Misalnya, al-Sayyid Yūsuf bin ‘Alī al-Zawāwī (Mufti Terengganu Kesepuluh, 1953 – 1975) telah menerbitkan “Fatwa Berkenaan Tuduhan Kafir-Mengkafir” yang pada tahun 1963 hangat dibicarakan tentang adakah kufur mengundi orang kafir. Budaya *takfīr* ini muncul dalam kalangan orang yang kuat berpolitik kepartian untuk menjatuhkan lawannya. Pada tahun 1981 pula, telah terbit sebuah risalah kecil berjudul *Fitnah Kafir Mengkafir Sesama Islam* yang dikeluarkan oleh Persatuan Kadi-Kadi Negeri Kelantan. Hal ini juga berasal daripada isu politik seperti menggunakan ayat-ayat tertentu untuk mengkafirkhan lawannya serta menakut-nakutkan masyarakat daripada mengundi lawannya. Pada tahun 2016 pula, Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke-28 pada 27 Jamadilakhir 1437H/ 5 April 2016M sebulat suara mengeluarkan fatwa bahawa fahaman “*Militant Islamic State in Iraq and Shams*” (ISIS) atau “*Islamic State of Iraq and the Levant*” (ISIL), atau “*Islamic State*” (IS) menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan antara sebab penyelewengan ialah:

Menuduh umat Islam yang mengamalkan sistem demokrasi dan terlibat dalam pilihan raya dan kepartian sebagai taghut, munafik atau kafir; i) Menghalalkan darah orang Islam yang menentang mereka kerana dianggap sebagai taghut, munafik atau kafir serta dituduh bersekutu dengan musuh Islam; j) Meyakini bahawa negara-negara umat Islam selain Daulah IS yang mengamalkan sistem moden adalah negara kafir dan wajib diperangi; k) Mengkafirkhan pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum Syariah dalam sesebuah negara.⁴⁵

Manhaj ASWJ pula tegas menolak sikap mudah mengkafirkhan sesama Islam. Hal ini terbukti daripada kalam

45. Keputusan Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke-28 pada 27 Jamadilakhir 1437H/5 April 2016M, *Berjihad Atas Nama Islamic State in Iraq and Shams (ISIS)* dan seumpamanya.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

pengasas mazhab al-Ash'arī sendiri iaitu Syeikh Abū al-Hasan al-Ash'arī yang diriwayatkan oleh al-Hāfiẓ Ibn 'Asākir:

سمعت الشيختين أبا محمد عبد الجبار ابن أحمد بن محمد البهقي الفقيه، وأبا القسم زاهر بن طاهر المعدل بنىسابور يقولان: سمعنا الشيخ أبا بكر أحمد بن الحسين بن علي البهقي يقول سمعت أبا حازم عمر بن أحمد العبدوي الحافظ يقول سمعت أبا علي زاهر بن أحمد السرخسي يقول: لما قرب حضور أجل أبي الحسن الأشعري رحمة الله في داري بيغداد دعاني فأتيته فقال "أشهد علي أني لا أكفر أحداً من أهل هذه القبلة لأن الكل يشرون إلى معبد واحد، وإنما هذا كله اختلاف العبارات.⁴⁶

"Aku mendengar daripada dua guru(ku): Abū Muhammad Ḥabd al-Jabbār bin Ahmad bin Muhammād al-Bayhaqī al-Faqīh dan Abū al-Qasmi Zāhir bin Tāhir al-Mu'addal di Naysābūr kedua-duanya berkata: 'Aku mendengar daripada Syeikh Abū Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Alī al-Bayhaqī berkata: Aku mendengar daripada Abū Ḥāzim 'Umar bin Ahmad al-'Abdawī al-Hāfiẓ berkata: Aku mendengar daripada Abū 'Alī Zāhir bin Ahmad al-Sarkhasī berkata: Ketika dekat ajalnya Abū al-Hasan al-Ash'arī, di rumahku di Baghdād, beliau memanggil aku maka aku mendatanginya, maka dia berkata: Saksikanlah pada diriku sesungguhnya aku tidak mengkafirkan seorang pun ahli kiblat ini (Islam) kerana semuanya mengisyarahkan kepada Satu Tuhan Yang Disembah, kesemua ini hanya perbezaan ungkapan dan kata-kata sahaja'."

Nasihat terakhir Syeikh Abū al-Hasan al-Ash'arī ini menjadi tiang ukur yang tertegak kukuh sebagai kesederhanaan (*wasatiyyah*) ASWJ ketika berdebat atau berhujah melawan ajaran-ajaran sesat dalam Islam seperti golongan Qadariyyah, Mu'tazilah, Mujassimah dan lain-lain. Juga, tidak mengkafirkan pelaku

46. Ibn 'Asākir, *Tabyīn*, 304.

dosa besar (*murtakib al-kabīrah*) seperti yang dilakukan golongan Khawārij. Dalam catatan sejarah, mereka mengafirkan semua yang berbeza pandangan dengan mereka.

Menjelaskan pandangan ini, Hujjat al-Islām Muḥammad bin Muhammād al-Ghazālī (w. 505H), seorang ulama besar ASWJ bermazhab al-Ash'arī, berkata:

الرتبة الرابعة : المعتزلة والمشبهة والفرق كلها سوى الفلاسفة ،
وهم الذين يصدقون ولا يجوزون الكذب لمصلحة وغير
مصلحة ، ولا يستغلون بالتعليل لمصلحة الكذب بل بالتأويل ،
ولكنهم مخطئون في التأويل ، فهو لاء أمرهم في محل
الاجتهاد ، والذي ينبغي أن يميل المحصل إليه : الاحتراز من
التكفير ما وجد إليه سبيلا ؛ فإن استباحة الدماء والأموال من
المصلين إلى القبلة المصرحين بقوله : " لا إله إلا الله محمد
رسول الله " خطير ، والخطأ في ترك ألف كافر في الحياة أهون
من الخطأ في سفك محجومة من دم مسلم ، وقد قال صلى الله
عليه وسلم : " أمرت أن أقاتل الناس حتى يقولوا لا إله إلا الله
محمد رسول الله ، فإذا قالوها فقد عصموا مني دماءهم وأموالهم
إلا بحقها " . وهذه الفرق منقسمون إلى مسرفين وغلاة ، وإلى
مقتصدين بالإضافة إليهم . ثم المجتهد يرى تكفيرون وقد يكون
ظنه في بعض المسائل وعلى بعض الفرق أظهره . وتفصيل أحد
المسائل يطول ، ثم يشير الفتنه والأحقاد ؛ فإن أكثر الخائضين في
هذا إنما يحركهم التعصب واتباع الهوى دون التصلب للدين .⁴⁷

Darjah keempat: Mu'tazilah, Mushabbihah dan semua puak selain ahli falsafah membenarkan kenabian Nabi Muhammād SAW dan tidak menerima dusta (kenabian) kerana kemaslahatan atau bukan kerana kemaslahatan. Mereka tidak menumpukan perhatian dalam memberi *illat* untuk kemaslahatan mendusta, tapi cenderung mentakwilnya. Hanya sahaja mereka tersalah dalam mentakwil. Maka urusan mereka adalah masih dalam ruang lingkup ijtihad (yang salah). Justeru,

47. Muhammād bin Muhammād al-Ghazālī, *al-Igtisād fi al-I'tiqād*, ed. Anas Muhammād 'Adnān al-Sharsawī (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2008), 305.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

orang yang mengetahui yang hak (*al-muḥassil ilayhi*) sepatutnya menjaga diri daripada mengkafirkan (mereka) selagi ada jalan, kerana menghalalkan darah dan harta orang yang solat menghadap kiblat, serta terang-terangan mengucapkan “*lā ilāha illā Allāh, Muḥammad Rasūlu Allāh*” adalah sangat bahaya. Tersalah dalam meninggalkan 1,000 orang kafir selamat hidup lebih ringan daripada tersalah dalam memercikkan segelas darah orang Islam. Sabda baginda SAW: “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan *lā ilāha illā Allāh, Muḥammad Rasūlu Allāh*, ketika mereka mengucapnya maka terjagalah darah dan harta mereka daripadaku kecuali dengan hak.” Golongan yang mentakwil dengan takwilan yang salah ini terbahagi kepada kumpulan yang melampau dalam takwilannya dan kumpulan yang sederhana takwilannya jika dibandingkan dengan kumpulan yang pertama. Seorang mujahid menghukum kafir mereka, sedangkan sangkaannya kepada beberapa masalah dan beberapa kumpulan daripada kumpulan-kumpulan ini boleh jadi lebih jelas berbanding sangkaannya kepada yang selainnya. Memerincikan setiap satu masalah akan memanjangkan perbahasan, lalu akan membawa kepada fitnah dan hasad dengki, kerana kebanyakan orang yang mendalamai masalah ini sebenarnya digerakkan oleh sifat fanatik dan ikut hawa nafsu, bukan untuk memperkuat agamanya.

Ketegasan Imam al-Ghazālī ini merupakan pendapat majoriti ASWJ sehingga disebut sebagai pandangan yang sederhana. Oleh sebab itu, kitab beliau yang menyebut hal ini diberi nama *al-Iqtisāf fī al-Itiqād* yang bermaksud: “Kesederhanaan dalam Kepercayaan.” Maka sikap kafir-mengkafir jelas mengancam kesederhanaan ASWJ di Malaysia mahupun di seluruh dunia.

Bahaya Pemikiran Takfir terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

Pemikiran *Takfir* dalam Ideologi *Hākimiyah*

Salah satu penyebab wujud pemikiran mudah mengkafirkan sesama Islam ialah pendekatan ideologi *hākimiyah* yang dibawa oleh Syed Qutb (w. 1966M) dalam beberapa buku beliau seperti *Fī Zilāl al-Qurān* dan *Ma'ālim fī al-Tarīq*.⁴⁸ Bahkan Syeikh Yūsuf al-Qardāwī berkata: “Sesungguhnya ideologi *takfir* terhadap kaum muslimin hari ini, tidak hanya ada dalam *kitab al-Ma'ālim*, bahkan dalam *kitab al-Zilāl* dan kitab-kitab lain; yang terpenting dalam *kitab al-Adālah (al-Ijtīmā'yyah)*.”⁴⁹

Definisi *hākimiyah* ialah segala pemerintahan yang tidak menjalankan hukum Allah SWT dianggap tidak sah dan dihukum sebagai pemerintahan yang merampas hak Allah SWT.⁵⁰ Ideologi ini juga membawa kepada mengkafirkan sesiapa pun yang tidak menjalankan hukum Allah. Oleh itu, Syed Qutb ketika mentafsir firman Allah SWT, maksudnya:

“Barangi siapa yang tidak berhukum dengan apa yang Allah telah menurunkannya, maka mereka ialah orang-orang yang kafir.”⁵¹

Beliau telah mengikuti manhaj *hākimiyah* yang dipelopori oleh Abū al-A'lā al-Mawdūdī (w. 1979M) dengan beberapa perubahan. Beliau menyebut pada awal tafsiran ayat ini bahawa ayat ini adalah yang paling penting kerana ia berkaitan dengan permasalahan akidah Islam, manhaj Islam, *nizām* pemerintahan dan kehidupan dalam Islam. Selain perbahasan berkenaan hukum dan syariat, terdapat perbahasan ketuhanan, tauhid dan

-
48. Usāmah al-Sayyid Mahmūd al-Azharī, *al-Haqq al-Mubīn fī al-Radd 'alā man Talā'aba bi al-Dīn* (Ábu Dhabi: Dār al-Faqih, 2015), 17.
 49. Yūsuf al-Qardāwī, *Ibn al-Qaryah wa al-Kitāb* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2008), 3/72.
 50. Abdelghani Mimouni, *Debating al-Hākimiyah and Takfir in Salafism: The Genesis of Intra-Salafi Schism in the 1990s* (PhD thesis, University of Exeter, 2016), 72.
 51. *Al-Mā'ālim* (5): 44.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

iman.⁵² Adapun ideologi takfir yang paling ketara akibat manhaj *hākimiyah* ini dalam *Fī Zilāl al-Qurān* ialah kata-kata beliau:

والله سبحانه يقول إن المسألة في هذا كله مسألة إيمان أو كفر
والله سبحانه يقول إن المسألة في هذا كله مسألة إيمان أو كفر؛
أو إسلام أو جاهلية، وشرع أو هوى. وإنه لا وسط في هذا الأمر
ولا هدنة ولا صلح ! فالمؤمنون هم الذين يحكمون بما أنزل الله
لا يخرمون منه حرفا ولا يبدلون منه شيئاً، والكافرون الظالمون
الفاسقون هم الذين لا يحكمون بما أنزل الله. وأنه إما أن يكون
الحكام قائمين على شريعة الله كاملة فهم في نطاق الإيمان،
وإما أن يكونوا قائمين على شريعة أخرى مما لم يأذن به الله،
فهم الكافرون الظالمون الفاسقون. وأن الناس إما أن يقبلوا من
الحacam والقضاء حكم الله وقضاءه في أمورهم فهم مؤمنون وإلا
فما هم بالمؤمنين، ولا وسط بين هذا الطريق.⁵³

Allah SWT menetapkan: Sesungguhnya masalah dalam hal ini semuanya masalah iman dan kufur, Islam atau jahiliah, syarak atau hawa nafsu. Tiada baginya tengah-tengah dalam hal ini, tiada genjatan senjata dan damai dalam hal ini. Orang mukmin, mereka berhukum dengan apa yang Allah turunkan, tidak mereka kurangkannya walau satu huruf sekalipun, dan tidak mereka gantikannya dengan sesuatu apapun. Orang kafir yang zalim serta fasiq, mereka lah orang-orang yang tidak berhukum dengan apa yang Allah telah turunkan. Mereka ini sama ada daripada kalangan pemimpin yang berdiri atas jalan syariat Allah secara sempurna maka mereka ialah yang berbicara dengan lisan keimanan, atau mereka ialah yang mendirikan syariat lain yang tidak direstui Allah, maka mereka merupakan kafir yang zalim lagi fasiq. Manusia pula sama ada mereka menerima pemimpin-pemimpin dan kadi-kadi yang berhukum dengan hukum Allah dan menunaikannya dalam segala urusan mereka,

52. Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qurān* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2003), 2/887.

53. Ibid, 2/888.

Bahaya Pemikiran Takfirī terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

maka mereka orang-orang beriman. Jika tidak, maka mereka bukanlah orang yang beriman, tiada posisi di tengah-tengah di antara jalan ini.

Kesimpulan daripada petikan Syed Qutb ini ialah orang yang tidak berhukum dengan hukum Allah telah jatuh kafir, bukan Islam, jahiliah, dan ikut hawa nafsu. Beliau juga menghukum mana-mana pemimpin yang tidak menegakkan hukum Islam secara sempurna maka ia jatuh dalam kekufuran. Rakyat (*al-nās*) yang memilih pemimpin dan kadi-kadi yang berhukum dengan hukum Allah maka mereka mukmin, kalau tidak maka mereka (rakyat) tidak beriman. Tiada istilah kedudukan antara menjalankan hukum Islam atau tidak, maka kalau tidak menjalankan hukum Islam secara menyeluruh, maka jatuh kufur.

Oleh sebab itulah ulama-ulama semasa menilai bahawa Syed Qutb dan yang mengikutinya telah membawa sebuah ideologi *takfir* yang berbahaya dalam Islam dan menjadikan ideologi *hākimiyah* sebagai akar umbi (*usūl*) keimanan. Bahkan tafsiran seperti inilah yang dibawa oleh Khawārij suatu waktu dahulu.⁵⁴ Walhal, majoriti ulama dan ahli tafsir dari zaman sahabat sehingga sekarang mentafsirkan ayat tersebut dengan tafsiran yang jauh berbeza. Pendapat yang paling kuat akan maksud ayat tersebut ialah siapa sahaja yang tidak berhukum dengan hukum yang diturunkan Allah disebabkan ia menolak (*jāhid*) ayat tersebut sebagai wahyu yang datang daripada Allah, maka tanpa diragukan lagi orang tersebut telah jatuh kufur. Adapun orang yang beriman bahawa ayat tersebut adalah benar wahyu dan perintah Allah, akan tetapi ia tidak mampu menjalankannya, maka ia tidak dihukum kafir.⁵⁵

Hal ini bertetapan dengan apa yang telah dijelaskan oleh Imam al-Ghazālī bagi ayat tersebut: “Aku berkata: Yang dimaksudkan di sini ialah orang yang tidak berhukum dengan apa yang Allah turunkan dalam keadaan mendustakannya serta

54. al-Azhārī, *al-Haqq al-Mubīn*, 21.

55. Ibid.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

menolaknya.”⁵⁶ Bahkan ayat ini juga telah ditafsirkan oleh Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w. 606H):

قال عكرمة : قوله ومن لم يحكم بما أنزل الله إنما يتناول من
أنكر بقلبه وجحد بلسانه ، أما من عرف بقلبه كونه حكم الله وأقر
بلسانه كونه حكم الله ، إلا أنه أتى بما يضاده فهو حاكم بما أنزل
الله تعالى ، ولكنه تارك له ، فلا يلزم دخوله تحت هذه الآية ،
⁵⁷ وهذا هو الجواب الصحيح .

Telah berkata Ikrimah: Firman Allah: “Barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang Allah turunkan...,” ia hanya bermaksud orang yang mengingkari dengan hatinya (hukum Allah) dan melawan dengan lisannya. Adapun orang yang mengakui dengan hatinya adanya (apa yang Allah turunkan) adalah hukum Allah, dengan mengikrarkannya dengan lisannya ia adalah hukum Allah, hanya sahaja dia melakukan lawannya, maka dia adalah orang yang menghukum dengan apa yang Allah turunkan, akan tetapi meninggalkannya. Maka tidak lazim memasukkannya ke dalam kategori ayat ini, dan inilah jawab yang sahih.

Pemikiran *Takfir* Kelompok Ahbāsh

Pada hari ini telah muncul pula sebuah kelompok dalam ASWJ yang dikenali sebagai Ahbāsh. Mereka pada dasarnya merupakan pengikut seorang tokoh bernama Syeikh 'Abdullāh al-Harārī al-Habshī (w. 2008M) di Beirut, Lubnan. Beliau berasal dari Harar, Ethiopia tetapi berhijrah ke beberapa tempat seperti Makkah, Damsyik dan terakhir, Beirut.⁵⁸ Ketika di Beirut, beliau telah menerbitkan beberapa buku yang dijadikan rujukan utama oleh pengikut beliau.

-
56. Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī, *al-Mustasfā min Ḥilm al-Uṣūl* (Kaherah: Dār al-Baṣā'ir, 2007), 1/258.
 57. Fakhr al-Dīn Muhammad bin 'Umar bin al-Hasan al-Rāzī, *Mafātīḥ al-Ghayb* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1420H), 12/368.
 58. 'Abdullāh bin Muhammad al-Harārī, *al-Tā'izzūn 'alā al-Nahyī 'an al-Munkar* (Beirut: Dār al-Mashārī, 2009), 3-5.

Ancaman dalaman ASWJ yang disebut di sini adalah kerana Ahbāsh pada asasnya berpegang pada akidah al-Ash'ariyyah, berfiqah al-Shāfi'i dan bertarekat al-Rifā'i. Asas pegangan ini ialah asas ASWJ seperti yang telah dijelaskan dalam mukadimah. Hanya sahaja Syeikh 'Abdullāh al-Harārī, sebagai pengasas Ahbāsh, bersikap tidak berhati-hati dengan menghukum beberapa orang tokoh dan ulama luar dan dalam ASWJ sendiri keluar daripada Islam (*takfir*), sesat, fasiq dan jahil.⁵⁹ Hal ini telah membuatkannya mendapat tentangan daripada kalangan ulama ASWJ kontemporari.⁶⁰ Oleh itu, beliau dianggap sebagai *mutashaddid* (ekstrem) walaupun masih dalam keluarga besar ASWJ seperti menurut sebahagian ulama.⁶¹ Sudah tentu ada sebahagian ulama lain menganggap beliau telah terkeluar daripada ASWJ.⁶² Apa pun, perkara ini jelas menunjukkan al-Harārī dan pemikiran yang keras ini menjadi ancaman dari dalam ASWJ. Lebih-lebih lagi apabila sebahagian pengikut beliau yang dikenali dengan Ahbāsh terlalu *taasub* (fanatik) dengan al-Harārī sehingga menganggap segala ijihad al-Harārī sebagai hujah walaupun telah didedahkan beberapa kesalahan al-Harārī.⁶³

-
- 59. Termasuk karya yang dikarang oleh Syeikh 'Abdullāh al-Harārī yang isinya mengkafirkan dan menyesatkan beberapa tokoh ASWJ adalah seperti *al-Tahdhīr al-Shāfi'i al-Wājib* dan *al-Ta'awun 'alā al-Nahy 'an al-Munkar*.
 - 60. Beberapa ulama ASWJ telah menolak pandangan Syeikh 'Abdullāh al-Harārī seperti ulama di Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah (Jabatan Fatwa Kerajaan Mesir) sendiri.
 - 61. Misalnya, Prof. Dr. 'Alī Jum'ah, mantan Mufti Mesir pernah menjelaskan bahawa Ahbāsh masih ASWJ hanya sahaja mereka banyak berpegang pada prinsip *takfir* dalam melawan golongan Wahābi sehingga Prof. Dr. 'Alī berlepas diri daripada mereka. Lihat: *Abdullah Haran – Syeikh Ali Jum'ah*, dicapai pada 22/10/2021, <https://www.youtube.com/watch?v=iQJc2BTasKk>.
 - 62. Misalnya, Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli pernah ditanya tentang status Ahbāsh dan beliau menegaskan bahawa mereka adalah golongan yang sesat. Lihat: "Pandangan Dr Wahbah Al-Zuhaili berkeraan dengan Ahbāsh," dicapai pada 22/10/2021, https://www.youtube.com/watch?v=BR_TuQ1IbxQ.
 - 63. Perkara ini dapat dilihat bagaimana pengikut 'Abdullāh al-Harārī yang dikenali sebagai Ahbāsh yang tetap menyesatkan Prof. Dr. Muhammad

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

Contoh beberapa sikap *takfir* al-Hararī terhadap ulama ASWJ adalah termasuk yang dilontarkan kepada al-Shahīd Prof. Dr. Muḥammad Sa‘īd Ramadān al-Būtī (w. 2013M) dalam kitabnya berjudul: *al-Tahdhīr al-Shāfi‘i al-Wājib*. Al-Hararī mengkritik beberapa isu terhadap al-Būtī, akan tetapi pada kesempatan kali ini penulis hanya mengulas dua perkara: (1) menamakan Allah dengan *al-illat*; (2) mengatakan Allah hanya menciptakan yang baik dan bukan buruk.

Bagi yang pertama iaitu menamakan Allah dengan *al-illat*, Syeikh al-Hararī berkata:

وَمَا يُجِبُ الْحَذْرُ مِنْهُ كَتَبَ مُحَمَّدٌ سَعِيدُ الْبُوْطِيُّ، وَمَنْ أَشْنَعَ
عِبَارَاتِهِ تَسْمِيهِ اللَّهُ تَعَالَى بِالْعَلَةِ فَقَدْ ذُكِرَ فِي كِتَابِهِ الْمُسْمَى «كَبْرَى
الْبَقِينِيَّاتِ» بَعْدَ كَلَامِ مَا نَصَهُ: «إِلَى أَنْ تَنْتَهِيَ بِكَ هَذِهِ الْعَلَلُ
الْكَثِيرَةِ الْمُخْتَلِفَةِ إِلَى الْعَلَةِ الْوَحِيدَةِ الْكَبْرِيِّ الْكَامِنَةِ خَلْفَ مَا قَدْ
رَأَيْتُ أَيْ إِلَى وَاجِبِ الْوُجُودِ وَهُوَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ» اهـ، وَالْجَوابُ:
أَنَّ هَذَا الْكَلَامُ بَاطِلٌ وَقَدْ كَفَرَ الْإِمَامُ رَكِنُ الْإِسْلَامِ عَلَيْهِ السُّعْدِيُّ
مِنْ سَمِّ اللَّهِ تَعَالَى سَبِيلًا أَوْ عَلَةً، وَذَكَرَ الْمُفْسِرُ النَّسْفِيُّ - إِلَى أَنْ
قَالَ - وَمِنَ الْإِلْحَادِ تَسْمِيهِ بِالْجَسْمِ وَالْجَوْهَرِ وَالْعَقْلِ وَالْعَلَلِ.⁶⁴

Antara perkara yang wajib diawasi ialah karya Muḥammad Sa‘īd al-Būtī. Antara kata-kata beliau yang paling keji ialah menamakan Allah sebagai *illat*. Beliau menyebutkan dalam kitab beliau yang berjudul: *Kubrā al-Yaqīniyyāt*: Sehingga kamu mendapati semua ‘*illat* yang banyak dan berbeza-beza ini terhenti pada *illat* yang satu, *illat* terbesar yang berada di sebalik semua perkara yang kamu lihat ini. Dialah yang wajib ada; Allah ‘azzā wa jalla. Jawapan balas bagi kata-kata ini; Sesungguhnya

Sa‘īd Ramadān al-Būtī (w. 2013M) yang mati syahid, bertaklid kepada guru mereka walaupun sudah dinyatakan kesalahan al-Hararī dalam menyesatkan al-Shahīd al-Būtī. Lihat: Abū ‘Umar al-Manzilī al-Ash‘arī, *al-Mukhtasar al-Mu‘īn ‘alā Nagdi Iddi‘ā’ man Qāla bi Awwaliyyah al-Nūr al-Mubīn* (Tunis: t.p., 1434H), 25; Tim Litbang Syahamah, *Aqidah Ahussunnah Wal Jama‘ah* (Jakarta: Syahamah Press, 2003), 30.

64. ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Hararī, *al-Tahdhīr al-Shāfi‘i al-Wājib* (Beirut: Dār al-Mashārī, 2009), 79.

kata-kata dia adalah batil, Imam Ruknū al-Dīn ‘Alī al-Sughdī telah menghukum kafir orang yang menamakan Allah sebagai sebab atau *illat*. Manakala ahli tafsīr al-Nasafī ... beliau mengatakan: Termasuk dalam *ilhād* menamakan Allah sebagai jisim, *jawhar*, *‘aql*, dan *illat*.

Dalam petikan ini, al-Hararī menukilkan pendapat ‘Alī al-Sughdī (w. 461H) yang mengkafirkhan orang yang menamakan Allah dengan sebab atau *illat*.⁶⁵ Beliau juga menukil pendapat ahli tafsīr Abū al-Barakāt al-Nasafī (w. 710H) yang mengkafirkhan sesiapa menamakan Allah dengan jisim, *jawhar*, *‘aql* dan *illat*.⁶⁶ Persoalannya, apakah *illat* yang dimaksudkan oleh al-Būtī sama dengan yang dimaksudkan oleh al-Sughdī dan al-Nasafī? Lebih pelik, al-Hararī sendiri memberi makna *illat* dalam tulisan al-Būtī sebagai penyakit (*al-marad*).⁶⁷

Perkara ini jelas salah faham terhadap kalam al-Būtī. Hal ini kerana al-Būtī sendiri dalam kitab yang sama menjelaskan bahawa beliau menggunakan istilah *illat* dan *ma’lūl* sebagai istilah yang diguna pakai dalam ilmu kalam al-Ash’arī seperti merujuk kepada “Yang diperlukan kepada danya dalam kewujudan sesuatu disebut sebab atau *illat*. Adapun yang memerlukan (*al-muhtāj*) itu disebut yang tersebab atau ter-*illat* (*musabbab* atau *ma’lūl*).”⁶⁸ Berdasar daripada definisi inilah, al-Būtī menjelaskan kewujudan Allah SWT dengan pembuktian undang-undang *illat* dan *ma’lūl* (sebab—musabbab) sebagai berikut:

65. Al-Kamāl bin Abī Sharīf bin al-Humām, *al-Musāmarah fī Sharḥ al-Musāyarah* (Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah, t.t.), 1/28.
66. Abū al-Barakāt ‘Abdullāh bin Ahmad al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī*, ed. Yūsuf ‘Alī Badaywī (Beirut: Dār al-Kalim al-Tayyib, 1998), 1/620.
67. ‘Abdullāh bin Muhammad al-Hararī, *al-Ta’awun ‘alā al-Nahy ‘an al-Munkar* (Beirut: Dār al-Mashārī, 2009), 66.
68. Definisi ini telah disebutkan oleh a-Būtī di awal perbahasan undang-undang sebab-musabbab di alam semesta sebelum masuk dalam perbahasan utama. Bahkan beliau menukil daripada al-Ijī. Lihat: Muhammad Sa’id Ramadān al-Būtī, *Kubrā al-Yaqnīyyāt al-Kawnīyyah* (Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu’āṣir, 2009), 286; ‘Abd al-Rahman bin Ahmad al-Ijī, *al-Mawāif fī Ilm al-Kalām* (Beirut: ‘Alam al-Kutub, t.t.), 85.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

غير أن عدد الأسباب الظاهرة أمامك تتناقص كلما أمعنت التأمل وسبرت أغوار الأسباب نفسها، كما تتناقص فروع الشجرة أمامك كلما دنوت بنظرك نحو جذعها إلى أن تجتمع الأسباب المختلفة كلها في سبب رئيسي واحد، وهو السبب الواجب أو واجب الوجود وهو الله عز وجل . . . ولكي يتم فيه التناقص ينبغي أن يكون مرتبًا بعضه على بعض لأن يكون هذا محتاجاً وذلك محتاجاً إليه فيتلاقيان طرقاً للحاجة التي بينهما، فإذا تجلى لك من الكون هذا التناقص، تنهت لما قلناه من ضرورة تناقص العلل في المسائل المتناسبة كلما أمعنت النظر أكثر وكلما سبرت مزيداً من أغوار هذه العلل والمعلمولات؛ فتفسير متأملاً في هذا السبيل إلى أن تنتهي بك هذه العلل الكثيرة المختلفة إلى العلة الوحيدة الكبرى الكامنة خلف كل ما قد رأيت أي إلى واجب الوجود وهو الله عز وجل .⁶⁹

Bilangan pelbagai jenis sebab yang banyak di hadapan anda itu akan semakin mengecil bilangannya apabila setiap kali anda mendalamkan perhatian dan pengamatan untuk mencari punca kepada sebab-sebab tersebut. Samalah halnya dengan ranting-ranting sepohon kayu di hadapan anda yang semakin mengecil bilangannya apabila anda semakin mendekatkan pandangan atau menumpukan pandangan anda kepada batang pohnnya, sehingga segala sebab yang pelbagai jenis dan coraknya itu akan terhimpun pada satu sebab yang pokok, iaitu sebab yang wajib, atau *Wajib al-Wujūd* iaitu Allah ‘azza wa jalla.... Dan agar kesesuaian, keselarasan atau keharmonian itu tepat dan sempurna, maka semestinya ia tersusun rapi di antara sebahagian dengan sebahagian yang lain, dalam bentuk di mana sebahagian itu memerlukan, manakala sebahagian yang lain pula diperlukan. Kedua-duanya saling bertemu kerana adanya keperluan bersama daripada kedua-dua belah pihak. Apabila ternyata adanya kesesuaian dan keharmonian dalam susunan yang telah kita tegaskan, iaitu semakin kurangnya sebab dan ‘illat

69. al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt*, 287, 291.

Bahaya Pemikiran Takfirī terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

pada setiap yang bersusunan dengan rapi, sesuai dan selari, pada setiap kali kita memberi perhatian yang lebih mendalam, atau pada setiap kali kita cuba memperincikan pemeriksaan atau penyelidikan atas sebab dan musabbab atau atas *illat* dan *ma'lūl* tersebut, dengan pemerhatian dan pengamatan, pemeriksaan dan penyelidikan yang berterusan atas sebab dan musabbab, maka akhirnya daripada sebab dan *illat* yang begitu banyak ia membawa kepada satu sebab atau *illat* yang teragung, di sebalik segala apa yang kita lihat dan kita saksikan, iaitu sebab yang teragung dan mutlak yang *Wajib al-Wujud* iaitu Allah 'azza wa jalla.⁷⁰

Penjelasan al-Būtī dalam petikan beliau ini sangat jelas bahawa beliau bukan bermaksud menamakan Allah dengan *illat* atau sebab (*musabbab*), tetapi beliau ingin memberi makna bahawa segala yang wujud ini (alam dan seisinya) memerlukan zat yang menciptakan. Zat yang diperlukan disebut *illat* secara bahasa ilmu kalam (*umūr īmmah*), sedangkan alam dan seisinya disebut sebagai *ma'lūl*. Ia bukan penamaan (*tasmiyyah*) akan tetapi penjelasan. Ia juga bukan dengan maksud wujudnya sesuatu kerana *ta'līl* dan *tab' ī* seperti pegangan Ahli Falsafah dan golongan Naturalisme (*taba'iyyūn*).⁷¹ Adapun tuduhan al-Hararī bahawa makna *illat* sebagai penyakit jelas tertolak oleh semua yang membaca kalam al-Būtī.

Perbahasan itu lain pula ialah seperti al-Hararī menyerang al-Būtī tentang masalah mengatakan Allah hanya menciptakan

-
70. Terjemahan ini diambil daripada terjemahan Muhammad Sulaiman Yasin dengan beberapa pembetulan. Lihat: Muhammad Sa'ad Ramadān al-Būtī, *Keyakinan Hakiki*, terj. Muhammad Sulaiman Yasin (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2018), 317, 321–322.
 71. Oleh sebab ada pengikut Ahbāsh yang mendukung al-Hararī dalam menyesatkan al-Būtī dengan berhujah bahawa pernyataan al-Būtī itu selari dengan Ahli Falsafah yang mengatakan wujudnya sesuatu kerana *ta'līl* iaitu akibat daripada wujudnya sesuatu yang lain. Hal ini seperti terbukanya pintu kerana gerakan tangan yang memutar kunci, bukan kerana Allah SWT yang menjadikan ia terbuka. Lihat: al-Manzili, *al-Mukhtasar*, 25

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

yang baik, bukan buruk. Al-Hararī secara jelas mengatakan bahawa al-Būtī telah mengikut pendapat Mu'tazilah (yang mengatakan bahawa yang baik datang daripada Allah, yang buruk daripada manusia sendiri), beliau berkata:

ثم يوافق البوطي المعتزلة في مسألة القدر وخالف بذلك
صريح القرآن والسنة الصحيحة وخرج عن إجماع الأمة بل عن
الإسلام، وقد ذكرنا في هذا الكتاب الأدلة على أن الله تعالى
خالق كل شيء وخلائق حركات العباد وسكنونهم وأعمالهم خيرا
كانت أو شرًا...⁷²

Kemudian al-Būtī juga bersetuju dengan Mu'tazilah berkenaan qadar. Dengan itu, beliau telah mengambil pendapat yang bercanggah dengan nas al-Quran dan Sunnah yang jelas dan sahih. Beliau juga telah terkeluar daripada ijmak ummah bahkan daripada Islam. Kami telah menyatakan dalam kitab ini bukti-bukti yang membenarkan bahawa Allah SWT adalah pencipta setiap sesuatu, pencipta pergerakan para hamba dan diam mereka, juga perbuatan mereka yang baik dan buruk.

Walhal, al-Būtī bukan berpendapat seperti Mu'tazilah; akan tetapi beliau berpandangan: Adalah tidak boleh atau kurang adab dengan mengatakan Allah melakukan perbuatan yang keji (*fi'l al-sharr*); yang benar menurutnya Allah menciptakan segala yang baik dan yang keji (*khalq al-sharr*). Lebih-lebih lagi, beliau memberi pendapat ini yang sebenarnya dinukil daripada salah seorang ulama ASWJ sendiri iaitu al-Shaykh Ismā'īl al-Kalanbawī (w. 1205H).⁷³ Maka sikap al-Hararī dengan mudah mengatakan Syeikh al-Būtī telah keluar daripada Islam (*wa kharaja 'an ijmā' al-ummah bal 'an al-Islām*) adalah sikap yang tidak sederhana (*wasatiyyah*) dan kurang cermat. Hal ini jelas

72. al-Hararī, *al-Tahdhīr*, 69.

73. Muhammad Sa'īd Ramadān al-Būtī, *al-Insān Musayyarun am Mukhayyarun* (Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu'āşir, 1997), 42.

Bahaya Pemikiran Takfirī terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

melanggar asas majoriti ASWJ yang melarang mengkafirkan ahli kiblat seperti telah disebut lalu.

Sikap *takfirī* Syeikh ‘Abdullāh al-Hararī lebih jelas ketika beliau mengkritik orang yang enggan mengkafirkan Wahhābī⁷⁴ seperti yang telah beliau lakukan terhadap al-Ḥabīb ‘Alī al-Jufrī sebagai berikut:

فالعجب من على الجفري الذي يعتقد أن الوهابية مجسمة ثم يقول أنا لا أكفرهم اه بل الذي يشك في كفر المعجم هو يكفر. فكيف يقول على الجفري عن الوهابية يكفرون من يتولى بالأنبياء والأولياء ويحرمون المولد وقراءة القرآن على آموات المسلمين ويقولون الله جسم جالس لكن حاشي الله أن نكفرهم نقول عنهم يهود؟!!⁷⁵

Maka yang dihairankan dengan ‘Alī al-Jufrī yang beriktikad bahawa Wahhābī itu *Mujassimah* lalu berkata “Aku tidak mengkafirkannya.” (Al-Hararī mendakwa): Malah yang meragukan kekafiran *Mujassimah* dialah yang kufur. Maka bagaimana ‘Alī al-Jufrī berkata tentang Wahhābī yang mengkafirkan *tawassul* dengan para Nabi dan Awliyā’, mengharamkan *Mawlid*, membaca al-Quran kepada mayat-mayat orang Islam dan mereka berkata Allah jisim yang duduk akan tetapi melarang kita mengkafirkan mereka atau kita mengatakan mereka sebagai Yahudi?!!

Pernyataan al-Hararī terhadap ‘Alī al-Jufrī ini merupakan *takfir* yang jelas. Sukar bagi orang yang memahami bahasa Arab mentakwilkannya kepada maksud yang lain. Walhal, ‘Alī al-Jufrī merupakan ulama semasa yang berfahaman ASWJ, kuat berhujah meruntuhkan pihak lawan yang berideologi *takfirī*. Lebih mengejutkan apabila al-Hararī juga tidak segan *tahdhīr* (memberi amaran terhadap) Imam al-Ghazālī, tokoh utama

74. ‘Abdullāh al-Hararī sangat tegas dalam mengkafirkan Wahhābī. Lihat: al-Hararī, *al-Tā’ūwun*, 36.

75. al-Hararī, *al-Tā’ūwun*, 39–40.

ASWJ kerana Imam al-Ghazālī melarang untuk sikap mudah mengkafirkan Mu'tazilah, Mujassimah dan lain-lain daripada kalangan muslimin yang mengucapkan dua kalimah syahadah.⁷⁶

Al-Hararī pula dengan tegas menolak ulama yang tidak mengkafirkan Mu'tazilah dan Mujassimah dengan mereka beralasan "kami tidak mengkafirkan ahli kiblat." Menurut beliau, kalam tersebut jika keluar daripada ulama, maka ia bermaksud tidak mengkafirkan seseorang ahli kiblat (Muslim) disebabkan dosa yang ia lakukan.⁷⁷ Al-Hararī bahkan membawa pendapat Abū Mansūr 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī (w. 429H) yang berpendapat bahawa mengkafirkan Mu'tazilah adalah wajib.⁷⁸ Lebih menggerunkan, al-Hararī menukil pendapat al-Baghdādī bahawa mengkafirkan Mu'tazilah, *ghulāt al-Khawārij*, al-Najjāriyyah, al-Jahmiyyah dan al-Mushabbihah merupakan *ijmā'* ulama al-Ash'ariyyah (ASWJ).⁷⁹

Pendapat al-Baghdādī yang dinukil oleh al-Hararī sebenarnya tidak tepat, kerana seorang tokoh agung mazhab al-Ash'arī yang sezaman dengan al-Baghdādī iaitu al-Imām Abū Bakr al-Bāqilānī (w. 402H) jelas memberi pendapat tidak mengkafirkan Mu'tazilah sebagaimana berikut:

القول في البيان عن الإكفار ووصف الإثم [في] خطأ الحق من هذه المذاهب . فإن قال قائل : فقد بان بما فلتمن أن سائر من خالف الحق من هذه المذاهب عاص بمخالفة الأمر بالمحبوب إلى الحق . فما قولكم فيه مع ما وصفتم ؛ أي كفر [عندكم] بالخطأ . . . في ذلك إذا أدى قوله إلى مذهب يكفر بمعتقده وإن لم يعتقده ولم يقدِّم ؟ قوله الموجب للكفر على ما يقتضيه ويوجه أم لا ؟ والقول عندي في ذلك وبالله التوفيق أن الكفر بالله هو الجهل به ، وأن الإيمان بالله هو [العلم بأنه] موجود .

76. al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, 305.

77. al-Hararī, *al-Ta'awun*, 82.

78. Ibid., 83; Abū Mansūr 'Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn* (Istanbul: Matba'ah al-Dawlah, 1928), 335.

79. al-Hararī, *al-Ta'awun*, 83; Abū Mansūr 'Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Baghdādī, *al-Asmā' wa al-Sifāt*, pnyt. Anas Muḥammad Adnān al-Sharfawī (Kuwait: Dār al-Diyā', 2020), 3/99.

هذا هو قولنا في الإيمان؛ أنه خصلة واحدة. وكذلك [الكفر] شيء واحد. وأنه لا يُكفر أحد يقول ولا رأي إلا أن يكون ذلك الرأي هو إلجله بالله؛ فإن جهل الله كفر. وإن عصى يقول أو بفعل يُوقف الله أو رسوله أو يُجمع المسلمين أو يقوم الدليل على أنه لا يوجد إلا من كافر فقد كفر؛ ليس لنفس ذلك الرأي والقول والفعل، ولكن لما [يقارنه] من الكفر... والدليل على ما وصفناه أن الإيمان بالله هو العلم بوجوده؛ فمتي حصل هذا العليم كان مؤمناً مصدقاً. فإذا اعتقى أن القديم جسم أو صورة، أو أن كلامه مخلوق، أو أنه لا علم له ولا يسمع ولا بصر ولا حياة، وأنه لم يخلق أفعال العباد، ولم [يُكلف] بعضهم ما لا يقدرون عليه، ولا تبعدهم بقبول خبر الواحد والقول بالقياس في الأحكام، وأنه لا يجوز أن يُرى بالإبصار، أو غير ذلك من المذاهب والاعتقادات التي ليست حالها ما وصفناه؛ لم يجب إكفاره ولم يكن شيء من هذه الاعتقادات مضاداً للعلم بالله ولا نافي له...⁸⁰

Perbahasan keterangan berkenaan pengkafiran dan penyifatan dosa pada (orang yang) menyalahi pendapat yang benar, antara pendapat-pendapat ini: Jika seseorang berkata: Telah jelaslah berdasarkan apa yang telah anda katakan bahawa semua orang yang bercanggah dengan pendapat yang benar antara pendapat-pendapat ini maka dia menjadi orang yang berdosa kerana bersalahan dengan arahan agar mengikut kebenaran. Apakah pendapat kamu pada orang ini dalam keadaan dirinya seperti yang kamu sifatkan; adakah dia dihukum kafir [di sisimu] dengan sebab kesalahan? Dalam hal tersebut, jika pendapatnya membawa kepada mazhab yang dihukum kafir pengiktikadnya, walaupun dia tidak mengiktikad hal itu dan tidak mematuhi kata-kata yang mewajibkan kekufturan sesuai yang dituntut pendapat asalnya itu, atau dia tidak dihukum kafir? Pendapatku dalam masalah ini—and dengan Allah-lah segala petunjuk—

80. Abū Bakr Muhammad bin al-Tayyib al-Bāqilānī, manuskrip “*Ikfār al-Mutawwilin*” (Rabat: al-Maktabah al-Wataniyah, no. K3078 t.t.), 34–35.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

kekufuran kepada Allah itu disebabkan kejihilan berkenaan-Nya, dan keimanan kepada Allah ialah dengan mengetahui bahawa Dia wujud. Inilah pendapat kami berkenaan iman; ia merupakan ciri yang tunggal, begitu juga kekufuran merupakan hal yang satu. Dan (pendapatku juga) bahawa tidak dikafirkan seseorang dengan sesuatu perkataan atau pandangan melainkan jika pandangan tersebut adalah jahil akan Allah. Jika dia jahil akan Allah maka dia kafir. Jika dia melakukan maksiat dengan perkataan atau perbuatan yang ada *tawqīf* (sumber) daripada Allah atau Rasul-Nya atau diijmak oleh umat Islam atau ada dalil yang menunjukkan bahawa ia tidak dilakukan melainkan oleh orang kafir; maka dia telah jatuh kafir; bukanlah kerana pendapatnya itu, perkataanya dan perbuatannya, tetapi kerana kekufuran yang mengiringi hal-hal tersebut... Bukti apa yang saya nyatakan ini; bahawa iman kepada Allah ialah mengetahui kewujudan-Nya; bila sahaja dia mengetahui hal ini maka dia merupakan mukmin yang membenarkan (Tuhaninya). Jika dia meyakini bahawa Tuhan yang qadim itu adalah jisim atau ada rupa, atau kalam-Nya makhluk, atau tiada bagi-Nya sifat (*ma’ani*) ilmu, mendengar, melihat dan hidup, dia tidak menjadikan perbuatan hamba-hamba-Nya, tidak mentaklifkan sebahagian hamba-Nya dengan perkara yang mereka tidak mampu lakukan, tidak memerintahkan mereka menerima khabar ahad dan menggunakan qias dalam hukum-hakam, tidak dapat dilihat dengan mata-mata, atau mazhab dan keyakinan lain yang tidak termasuk dalam perkara yang telah saya nyatakan; maka tidak wajib mengkafirkannya dan tidak satu pun daripada hal ini bertentangan dengan pengetahuan tentang Allah dan tidak juga menafikannya.

Justeru, *ijmā’* yang didakwa oleh al-Baghdādī tidaklah tepat oleh sebab *ijmā’* yang sabit mestilah tidak berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan ulama. Lebih-lebih lagi, begitu banyak ulama al-Ash’arī menolak untuk mengkafirkan Mujassimah

Bahaya Pemikiran Takfirī terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

seperti ‘Izz al-Dīn bin ‘Abd al-Salām,⁸¹ al-Nawawī (w. 676H),⁸² al-Khaṭīb al-Shirbīnī (w. 977H),⁸³ al-Ramlī (w. 1004H)⁸⁴ dan lain-lain. Bahkan seorang tokoh kontemporeri, Syeikh Dr. Ṣalāḥ al-Dīn al-Idlibī telah mengarang kitab khusus menjawab kesalahan al-Harārī dalam melakukan *takfir* terhadap beberapa ahli bidaah seperti Wahhābī, Mu’tazilah, Mujassimah dan lain-lain.⁸⁵

Penjelasan panjang yang telah diberikan ini cukup untuk membuktikan bahawa Ahbāsh dianggap agak keras dan dilihat terlalu mudah memilih pendapat yang mengkafirkhan Mujassimah, Mu’tazilah dan aliran sesat lainnya, walaupun terjadi perbezaan pendapat dalam kalangan ulama. Atas dasar inilah *Dār al-Iftā’ al-Misriyyah* (Lembaga Fatwa Kerajaan Mesir) mengeluarkan fatwa:

والخلاصة : أنه يظهر لنا بحسب ما وقفنا عليه من كتب الشيخ الحبشي وأتباعه المعروفين بالأحباش وأقوالهم ، ومراجعة ما انتقد عليهم وقيل عنهم أنهم من أهل السنة والجماعة ، ليسوا بخارجين عنهم ، لكن يؤخذ عليهم التسرع والتهور في التفسيق والتکفير والهجوم على المخالفين لهم ، وحمل عباراتهم على محامل سيئة مع قابليتها للتأويل أو الحمل على محمل حسن .⁸⁶

-
81. ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Salām al-Sulamī, *Qawā'id al-Ahkām fī Islāh al-Anām*, ed. Nazīh Kamāl Hammād & ‘Uthmān Jum‘ah Dāmīriyyah (Damsyik: Dār al-Qalam, 2007), 1/304.
 82. Abū Zakariyā Muhyī al-Dīn Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhdha*, ed. Muhammad Najib al-Muṭī‘ (Kaherah: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1995), 4/150.
 83. Muhammad al-Khaṭīb al-Shirbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'iṣfah Ma'āni Alfāz al-Minhāj* (Kaherah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), 4/134–135.
 84. Shams al-Dīn bin Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Fatāwā al-Ramlī b Hāmish al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyyah* (Kaherah: ‘Abd l-Majid Ahmad Ḥanafī, t.t.), 4/20.
 85. Ṣalāḥ al-Dīn al-Idlibī, *Takfir al-Man Lā Yastahiqqu al-Takfir* (Amman: Dār al-Nūr al-Mubīn, 2016), 56.
 86. Dār al-Iftā’ al-Misriyyah, *Mawsū‘ah al-Fatāwā al-Mu'aṣṣalah min Dār al-Iftā’ al-Misriyyah* (Kaherah: Maṭba‘ah Dār al-Kutub wa al-Wathā‘iq al-Qawmiyyah, 2013), 1/283.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

Justeru, setelah apa yang telah kita dapatkan daripada kitab-kitab Syeikh al-Habshī, pengikutnya yang dikenali dengan nama “Ahbāsh,” pendapat-pendapat mereka, dan menilai kembali segala kritikan terhadap mereka, isu-isu yang dikatakan tentang mereka; maka jelaslah kepada kita sesungguhnya mereka adalah daripada ASWJ, bukanlah terkeluar daripada golongan ASWJ. Akan tetapi, ada beberapa kritikan (kesalahan) kepada mereka iaitu mereka terlalu cepat dan melulu memfasikkan, mengkafirkan, menghentam orang-orang yang berbeza pandangan dengan mereka, mentafsirkan ungkapang-ungkapan lawan mereka dengan tafsiran yang keji walhal ungkapang-ungkapan tersebut boleh ditakwilkan atau ditafsirkan kepada makna yang baik.

Dalam kesimpulan yang dikeluarkan oleh *Dār al-Iftā’ al-Misriyyah* ini secara jelas menegaskan bahawa Ahbāsh masih dalam ASWJ, akan tetapi kesalahan-kesalahan mereka ialah mengkritik atau mengkafirkan orang-orang yang berbeza pandangan dengan mereka.

Kesimpulan

Setelah perjalanan panjang membahas ASWJ di Malaysia dan ancaman-ancaman *tafkīr* terhadapnya, maka kesimpulan yang dapat dirumuskan adalah sebagai berikut:

1. ASWJ merupakan mazhab Islam yang secara rasmi dipilih di seluruh negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, terjadi perbezaan kepada tiga golongan dalam mentafsirkan kriteria ASWJ seperti berikut: 1. mengkhususkan al-Ash‘arī dan al-Māturīdī, di sebanyak enam negeri; 2. tidak menyebutkan mazhab akidah akan tetapi menetapkan kewajipan bermazhab al-Shāfi‘ī sebagai tanda menerima bermazhab yang senada dengan golongan pertama, iaitu sebanyak tujuh negeri; 3. tidak mengkhususkan

Bahaya Pemikiran Takfirī terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

kepada mana-mana mazhab akidah atau fiqah, akan tetapi kembali kepada al-Quran dan Sunnah serta tidak menolak ketokohan mazhab empat sebagai ASWJ serta tidak menyesatkan al-Ash'arī dan al-Māturīdī, sebuah negeri sahaja.

2. Ancaman terbesar ASWJ di Malaysia hari ini ialah isu *takfir* yang muncul dalam kalangan Muslim itu sendiri. *Takfir* yang berbahaya di Malaysia ini adalah seperti yang terdapat dalam ideologi *al-Hākimiyah* seperti yang ditemukan dalam tafsir *Fī Zilāl al-Qur'añ* karangan Syed Quṭb dengan dakwaan mana-mana orang yang tidak menjalankan hukum Allah maka jatuh kufur. Tafsiran beliau yang memberi makna takfir ini bercanggah dengan tafsiran majoriti ulama ASWJ yang muktabar.
3. Ancaman *takfir* juga wujud daripada dalam ASWJ al-Ash'arī sendiri melalui gerakan Aḥbāsh yang dipelopori oleh Syeikh 'Abdullāh al-Harārī. Beliau telah melakukan *takfir* terhadap beberapa tokoh seperti al-Shahīd al-Būtī, al-Habib 'Alī al-Jufrī serta ahli bidaah yang lain seperti Mujassimah, Wahhābī, Mu'tazilah dan lain-lain. Walaupun telah dijelaskan pendapat yang muktamad dalam ASWJ tidak mengkaafirkan ahli kiblat, akan tetapi al-Harārī lebih memenangkan pendapat yang mengkaafirkan dan ini menunjukkan beliau tidak bersikap sederhana, maka hal ini tidak sesuai dengan pegangan ASWJ di Malaysia.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

Rujukan

- Abdullah Harari–Syekh Ali Jum’ah.* Dicapai pada 22/10/2021.
<https://www.youtube.com/watch?v=iQJc2BTasKk>.
- al-Akiti, Muhammad Ayman, Ahmad Faiz Hafizuddin Rosli & Muhammad Amir Ashraf Rosdin. *Shaykh ‘Abdu’llāh Fahim – Ulamā’ Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah dan Perjuangan Kebangsaan.* Bangi: Akademi Jawi Malaysia, 2020.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 559 tahun 1997.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 505 Wilayah Persekutuan 1993.
- Ibn ‘Asākir, Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Hasan al-Dimashqī. *Tabyīn Kadhib al-Muftārī fī Mā Nasaba ilā al-Imām al-Ash‘arī.* ed. Anas Muḥammad ‘Adnān al-Sharfawī. Damsyik: Dār al-Taqwā, 2018.
- Ash‘arī, Muḥammad Hāshim. *Risālah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah.* ed. Muḥammad ‘Iṣām Hādhīq. Jombang: Maktabah al-Turāth al-Islāmī, 1418H.
- Awang, Ismā’īl. “Haji Abdullah Pak Him”. *Majallah Pengasuh.* bil. 428. Kota Baharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1977.
- Al-Azharī, Usāmah al-Sayyid Mahmūd. *al-Haqq al-Mubīn fī al-Radd ‘alā Ma Talā’aba bi al-Dīn.* Abu Dhabi: Dār al-Faqīh, 2015.
- Al-Baghdādī, Abū Mansūr ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir. *al-Asmā’ wa al-Sifāt.* ed. Anas Muḥammad ‘Adnān al-Sharfawī. Kuwait: Dār al-Diyā’, 2020.
- _____. *Usūl al-Dīn.* Istanbul: Matba’ah al-Dawlah, 1928.
- Al-Bāqilānī, Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib. Manuskrip İkfār al-Muta’awwilin.” Rabat: al-Maktabah al-Waṭaniyyah, no. K3078 t.t. .
- Al-Būtī, Muḥammad Sa‘īd Ramadān. *al-Insān Musayyarun am Mukhayyarun.* Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu‘āfir, 1997.
- _____. *Keyakinan Hakiki,* terj. Muhammad Sulaiman Yasin. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2018.

Bahaya Pemikiran Takfirī terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

- _____. *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*. Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 2009.
- Dār al-Iftā’ al-Misriyyah. *Mawsū‘ah al-Fatāwā al-Mu‘assalah min Dār al-Iftā’ al-Misriyyah*. Kaherah: Matba‘ah Dār al-Kutub wa al-Wathā‘iq al-Qawmiyyah, 2013.
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak Perlis tahun 1991.
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan tahun 1992.
- Enakmen Jenayah Syariah Perak tahun 1992.
- Enakmen Jenayah Syariah Selangor tahun 1995.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kedah tahun 1988.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan tahun 1985.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor tahun 1997.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pahang 2013.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang tahun 1996.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah tahun 1995.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu tahun 2001.
- Enakmen Kesalahan Syariah Melaka tahun 1991.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka tahun 2002.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak tahun 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang tahun 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor tahun 2003.
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu tahun 2001.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad. *al-Iqtiṣād fī al-I‘tiqād*. pnyt. Anas Muḥammad ‘Adnān al-Sharfawī. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2008.
- _____. *al-Mustasfā min Ḥilm al-Uṣūl*. Kaherah: Dār al-Baṣā’ir, 2007.
- Al-Hararī, ‘Abdullāh bin Muḥammad. *al-Ta‘awun ‘alā al-Nahiyi ‘an al-Munkar*. Beirut: Dār al-Mashārī, 2009.
- _____. *al-Tahdhīr al-Sharī‘ al-Wājib*. Beirut: Dār al-Mashārī, 2009.
- Hassan, Hazman & Mohd Nazim Mohd Noor. *Kedudukan Istimewa Manhaj Ahli Sunah Wal Jamaah dalam Perlembagaan Negeri Perlis*. Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2020.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

- Ibn al-Humām, al-Kamāl bin Abī Sharīf. *al-Musāmarah fī Sharḥ al-Musāyarah*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah, t.t.
- Al-Idlibī, Ṣalāḥ al-Dīn. *Takfir al-Man Lā Yastahiqqu al-Takfir*. Amman: Dār al-Nūr al-Mubīn, 2016.
- Al-Ījī, ‘Abd al-Rahman bin Ahmād. *al-‘Aqā’id al-‘Adūriyyah dimma Sharḥ al-Kīlānī*. ed. Nizār Hammādī. Beirut: Mu’assasah al-Ma‘arif, 2011.
- _____. *al-Mawāif fī Ilm al-Kalām*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub, t.t. .
- Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan, Tauliah Mengajar Agama Islam tahun 2006.
- Kaedah-kaedah Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam Pahang 2017.
- Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah 2016. Pegangan dan Akidah Ahli Sunah Waljamaah.
- Keputusan Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke-28 pada 27 Jamadilakhir 1437H/ 5 April 2016M. Berjihad Atas Nama Islamic State in Iraq and Shams (ISIS) dan Seumpamanya.
- Al-Khayālī, Ahmad bin Mūsā. *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Nasafiyah dimma al-Majmū‘ah al-Saniyyah*. ed. Marī Ḥasan al-Rashīd. İstanbul: Dār Nūr al-Šabāh, 2012.
- Al-Kustallī, Muṣlih al-Dīn Muṣṭafā bin Muḥammad. *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Nasafiyah dimma al-Majmū‘ah al-Saniyyah*. ed. Marī Ḥasan al-Rashīd. İstanbul: Dār Nūr al-Šabāh, 2012.
- Al-Manzilī, Abū ‘Umar al-Ash‘arī. *al-Mukhtaṣar al-Mū‘in ‘alā Naqdī Iddi‘ā’ man Qāla bi Awwaliyyah al-Nūr al-Mubīn*. Tunis: t.p., 1434H.
- Mimouni, Abdelghani. “Debating al-Hākimiyah and Takfir in Salafism: The Genesis of Intra-Salafi Schism in the 1990s.” PhD thesis, University of Exeter, 2016.
- Al-Nasafī, Abū al-Barakāt ‘Abdullāh bin Ahmad. *Tafsīr al-Nasafī*. ed. Yūsuf ‘Alī Badaywī. Beirut: Dār al-Kalim al-Tayyib, 1998.
- Al-Nasafī, Burhān al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad. *al-‘Aqīdah al-Nasafiyah dimma al-Majmū‘ah al-Saniyyah*. ed. Marī Ḥasan al-Rashīd. İstanbul: Dār Nūr al-Šabāh, 2012.

Bahaya Pemikiran Takfirī terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

- Al-Nawawī, Abū Zakariyā Muhyī al-Dīn Yahyā bin Sharaf. *al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhdha*. ed. Muhammad Najib al-Muṭī‘ī. Kaherah: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1995.
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak tahun 2001.
- Ordinan Majlis Islam Sarawak tahun 2001.
- Pandangan Dr Wahbah Az Zuhaili berkenaan dengan Ahbash. Dicapai pada 22/10/2021. https://www.youtube.com/watch?v=BR_TuQ1IbxQ
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: International Law Book Services, 2020.
- Al-Qardāwī, Yūsuf. *Ibn al-Qaryah wa al-Kītab*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 2008.
- Qutb, Sayyid. *Fī Ḥilāl al-Qur’ān*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 2003.
- Al-Ramlī, Shams al-Dīn bin Shihāb al-Dīn. *Fatāwā al-Ramlī b Hāmish al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyyah*. Kaherah: ‘Abd l-Majīd Aḥmad Ḥanafī, t.t..
- Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muhammad bin Abī al-‘Abbās Ahmad. *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharh al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t..
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muhammad bin ‘Umar bin al-Hasan. *Mafātīh al-Ghayb*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1420H.
- Schleifer, Abdallah, ed. *The Muslim 500: The World’s 500 Most Influential Muslims 2021*. Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre, 2021.
- Al-Shirbīnī, Muhammad al-Khaṭīb. *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma’rifah Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*. Kaherah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t..
- Al-Sijistānī, Abū Dāwud Sulaymān al-Azdī. *Sunan Abī Dāwud*. pnyt. Muhammad Muhyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, t.t..
- Al-Sinān, Ḥamad & Fawzī al-‘Anjārī. *Ahl al-Sunnah al-Ashā’irah*. Kuwait: Dār al-Diyā’, 2010.
- A-Subkī, Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī. *Tabaqāt al-Shāfi‘iyah al-Kubrā*. pnyt. Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāhī & ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥulw. Kaherah: Hajar li al-Tibā‘ah wa al-Nashr, 1992.

Muhammad Ayman al-Akiti / TAFHIM 15 No. 2 (Dec 2022): 111–146

- Al-Sulamī, Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Salām. *al-Mulhah fī Itiqād Ahl al-Haqq dimna Rasā’īl fī al-Tawhīd*. ed. Iyād Khālid al-Tabbā’. Damsyik: Dār al-Fikr, 1995.
- _____. *Qawā’id al-Ahkām fī Islāh al-Anām*. ed. Nazīh Kamāl Ḥammād & ‘Uthmān Jum’ah Ḏamīriyyah. Damsyik: Dār al-Qalam, 2007.
- Al-Tayyib, Ahmad. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*. Abu Dhabi: Majlis Ḥukamā’ al-Muslimīn, 2018.
- Tim Litbang Syahamah. *Aqidah Ahussunnah Wal Jama’ah*. Jakarta: Syahamah Press, 2003.
- Al-Tirmidhī, Abū Ḫārij Muḥammad bin Ḫārij. *Sunan al-Tirmidhī*. pnyt. Bashshār ‘Awwād Ma’rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1996.
- Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan.
Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948.
- Warta Kerajaan Negeri Johor. “Prinsip Akidah Ahli Sunah Waljamaah (ASWJ).” 25 Oktober 2016.
- Warta Kerajaan Negeri Kedah. “Fatwa Mengenai Pembid’ahan Kepada Amalan-Amalan Ahli Sunnah Waljamaah di Negeri Kedah Darul Aman.” 10 November 2016.
- Warta Kerajaan Negeri Sembilan. “Pemberitahuan Fatwa—Penyelewangan Ajaran Syiah.” 7 November 2013.
- Al-Zabīdī, Muḥammad bin Muḥammad bin al-Ḥusaynī. *Ittiḥād al-Ṣādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Ihyā’ Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Zakaria Stapa, dll. “Laporan Akhir Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunah Waljamaah Terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia.” Kertas Kerja MKI. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.